

NTU, varsiti Czech Republic meterai MOU teknologi

SATU perjanjian baru antara Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dengan Universiti Kimia dan Teknologi (UCT) Czech Republic dalam simpanan tenaga dan huraian mobiliti masa depan telah ditandatangani semalam.

Disaksikan Perdana Menteri Czech Republic, Encik Andrej Babis, yang berada di Singapura bagi lawatan rasmi selama dua hari, perjanjian itu ditandatangani semasa lawatan beliau ke Pusat Kecemerlangan bagi Ujian dan Kajian Kenderaan Autonomi di NTU (Cetran) semalam.

Di bawah perjanjian itu, NTU menerusi Institut Kajian Tenaganya akan bekerjasama dengan pusat kajian di UCT, Prague, bagi bahan tenaga.

Kedua-dua pihak akan mengusahakan pembangunan teknologi, daripada generasi bateri litium ion seterusnya hingga ke teknologi yang akan membolehkan penerahan kenderaan elektrik.

Kerjasama itu juga merangkumi projek kajian bersama dan pertukaran kakitangan akademik dan kajian.

Kerjasama bersama Universiti Teknologi Brno di Czech Republic juga dirancang, dengan ia akan merangkumi lebih banyak usaha menyeluruh dalam simpanan tenaga, sel bahan api dan teknologi automotif seperti memandu secara autonomi.

Turut hadir dalam acara menandatangani perjanjian itu ialah Menteri Perdagangan dan Perusahaan Czech Republic, Cik Marta Novakova, dan Menteri Negara Kanan (Perdagangan dan Perusahaan merangkap Pendidikan), Encik Chee Hong Tat.

Semasa lawatannya ke Cetran, Encik Babis diberi taklimat tentang teknologi kenderaan automatik dan kenderaan elektrik baru yang diuji di situ.

Beliau juga menaiki bas ulang-alik NTU-Blue Solutions Flash Shuttle, iaitu bas ulang-alik elektrik pantas dicas pertama di Singapura.

Awal sebelum itu, Encik Babis



TEKNOLOGI CANGGIH

Perdana Menteri Czech Republic, Encik Andrej Babis (*dua dari kanan*), dan Encik Chee Hong Tat (*kanan*) menaiki bas ulang-alik NTU-Blue Solutions Flash Shuttle, iaitu bas ulang-alik elektrik pantas dicas pertama di Singapura semasa lawatan mereka ke Pusat Kecemerlangan bagi Ujian dan Kajian Kenderaan Autonomi (Cetran) NTU semalam. Bersama mereka ialah presiden NTU Subra Suresh (*empat dari kanan*).
– Foto NTU

menyertai Forum Perniagaan Singapura-Czech Republic di The Ritz-Carlton, Millenia Singapore, dan Taman Orkid Nasional bagi majlis penamaan angerik.

Kelmarin, beliau bertemu Presiden Halimah Yacob dan Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

Beliau dan Puan Halimah mengesahkan hubungan mesra antara dua negara itu dan juga mengalu-alukan pertukaran dua

hala di setiap peringkat sejak beberapa tahun lalu, terutamanya dalam pertukaran ekonomi yang semakin bertambah dan hubungan antara institut pengajian tinggi.

Beliau dan Encik Lee pula membincangkan kerjasama yang semakin meningkat antara dua negara itu dan bidang bagi mempertingkatkan hubungan, termasuk perdagangan, teknologi dan penyelidikan.

Mereka juga bertukar pandangan mengenai perkembangan domestik dan serantau.

Encik Babis pun menghadiri jamuan malam di Istana yang diacarakan Encik Lee kelmarin.

Dalam ucapannya di majlis itu, beliau antara lain berkata Singapura dan Czech Republic harus membangunkan bab baru dalam hubungan dua hala dalam bidang daripada pendidikan kepada sains dan

penyelidikan, tambahnya.

Beliau juga berkata negaranya boleh dilihat sebagai “pintu masuk ke Kesatuan Eropah (EU)” dan Singapura juga boleh membantu “membuka pintu” bagi usahawan Czech di Asia Tenggara.

Encik Lee berkata Singapura dan Czech Republic mengongsi pandangan serupa, dengan dua negara itu bersaiz kecil dan ekonomi perdagangan berlandaskan eksport.

“Oleh sebab kedua-dua negara kita bergantung pada perdagangan, kita mengongsi kepentingan dalam sistem perdagangan pelbagai hala berdasarkan peraturan dan terbuka,” katanya.

Beliau juga berterima kasih atas “sokongan kuat dan konsisten” Czech Republic bagi perjanjian dagangan bebas (FTA) EU-Singapura yang ditandatangani Oktober lalu.